
[BIL. 28 APR 2019](#)

FRIM serah 1,000 anak pokok hutan untuk kampus

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menyerahkan kira-kira 1,000 anak pokok daripada 24 spesies termasuk Tembaga, Cengal, Beruas, Ketapang, Jelutong, Kulim, Merbau Karas dan lain-lain bagi menjayakan projek dalam penanaman pokok hutan di sekitar kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan pada 24 April 2023.

Majlis penyerahan disampaikan Ketua Program Teknologi Biomass, FRIM Dr. Wan Asma Ibrahim kepada Rektor UMP (Ketua Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff di UMP Pekan.

Menurut Profesor Dato' Dr. Mashitah, tekstur tanah di UMP Pekan ini terdiri daripada tanah terganggu akibat pembangunan kepakaran antara UMP dan FRIM untuk berganding bahu dalam pembangunan landskap UMP Pekan dan

“Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pokok bagi mengekalkan tahap kelestarian yang sihat, selamat, indah dan kondusif di universiti ini,” katanya.

Seramai 20 orang sukarelawan dari UMP dan FRIM yang menyertai aktiviti penanaman pokok tersebut yang

Hadir sama Ketua Program Inkubasi & Komersialisasi, Dr. Fadhilah Zainudin, Pengawai Penyelidik FRIM, Pengerusi Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti, Hazlina Faizal dan Eksekutif Unit Landskap, Jabatan Penyelidikan &

Perpustakaan mini di Pusat Sehenti Komuniti *KP House* pupuk

Penubuhan perpustakaan mini hasil kolaborasi strategik pihak Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang termasuk sumbangan orang ramai dan Program Pinjaman Program Pinjaman Buku Berkelompok menjadikan Pusat Sehenti Komuniti *KP House (KP House)* yang dibangunkan UMP ini terus menjadi tumpu

Program mendapat kerjasama pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang menyumbang kemudahan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK) serta Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang dalam mem pengetahuan.

Majlis menyaksikan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Kualiti), Profesor Dato' Dr. Mashita daripada Timbalan Ketua Pustakawan, Hajah Siti Aishah Ghani, Setiausaha Matahari, Mimi Rabita Daerah Pekan, Haji Hisyam Hashim dan Muhammad Huzaimi Hashim pada 24 April 2019 yang lalu.

Turut hadir, Ketua Kampung Kuala Pahang, Hassan Mohamed Sukor.

Menurut Profesor Dato' Dr. Mashitah, pembangunan *KP House* merupakan kesinambungan Program *Face* melibatkan 118 buah rumah dan ia merupakan salah satu inisiatif di bawah *MyGift* UMP dalam memasyara

“Rumah ini dahulunya merupakan sebuah kuarters guru yang terbiar dan telah melalui proses transformasi dengan satu *Living Lab* sekaligus memberikan nilai tambah kepada komuniti di Kuala Pahang sebagai Pus

“Bermula dengan Program *Bridge of Lov @KP House* yang dijalankan mahasiswa Insmartive UMP pada sekolah rendah dan menengah berjaya mendekatkan diri pelajar dengan aktiviti pembelajaran yang menye

“Program Tuisyen Komuniti juga mendapat sambutan di *KP House*. Kita hanya menyasarkan seramai 30 apabila jumlah bertambah dan sehingga kini seramai 120 orang pelajar telah berdaftar mengikuti program i

Program yang dijalankan pada setiap hari Isnin sehingga Jumaat itu bermula jam 8.00 malam hingga pelajaran dengan bantuan tutor yang terdiri daripada mahasiswa UMP.

Ia turut menyelitkan program *softskills* bagi membantu melahirkan modal insan yang lebih berketerampilan.

Beliau mengharapkan dengan adanya mini perpustakaan ini akan memberi semangat buat anak-anak dan

Usaha ini adalah seiring dengan Kempen Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) yang telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, Y. A. Liow pada tahun lalu ke arah menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang tahun 2030.

Selain itu, pelbagai program bersama komuniti turut dijalankan termasuklah Kelas Mengaji, Kelas Fiqh Walaqat, Kelas Kebersihan, Pemeriksaan Kesihatan dan Tuisyen Matematik Tambahan.

Prof. Madya Dr. Arun Gupta hasilkan produk krim anti penuaan d

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu Profesor Madya Dr. Arun Gupta daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia berjaya menghasilkan produk penjagaan kulit berjenama *Keraglow* seperti krim anti penuaan, pelembap dan pencerah daripada keratin bulu ayam.

Sebahagian besar dari produk pelembap penjagaan kulit untuk kelihatan lebih muda dan kurang tanda-tanda matahari dan pencemaran udara di pasaran menggunakan ekstrak plasenta dan bulu biri-biri.

Namun demikian, menurut Profesor Madya Dr. Arun, pihaknya mendapati kos mengekstrak keratin daripad

“Memandangkan di Malaysia terdapat banyak industri penyembelihan ayam dan hampir empat juta ta buangan yang tidak dikomersialkan, memberi peluang pihaknya menjalankan penyelidikan sejak tahun 201

“Kami mendapati mendapati bulu ayam terdiri daripada 91 peratus protein, lapan peratus air dan satu sulfur dan berstruktur berserat.

“Bulu ayam mempunyai keratin yang istimewa dan mempunyai 20 jenis protein. Protein yang terhasil di dialisis untuk menyingkirkan bahan yang tidak sepatutnya hadir dalam penghasilan kosmetik,” katanya.

Beliau berkata, menerusi anak syarikat yang dikenali sebagai UMP Keraglow Sdn. Bhd. telah mengkomers dianugerahkan *QB3 Startup Acknowledgement Certificate* pada Anugerah Inovasi Bioekonomi 2017.

“Pada masa ini, pihaknya telah mengeluarkan 350 liter keratin setiap hari dan kapasitinya dijangka mening dua tahun lagi.

“Setakat ini kita juga telah menerima permintaan daripada luar negara dan merancang menjalankan ke menjadikannya sebagai francais.

“Selain itu, selama sepuluh tahun, penyelidikan produk ini juga telah didaftarkan paten di Amerika Syarikat dan pembangunan produk kosmetik dan farmaseutikal.

“UMP Keraglow Sdn. Bhd. juga merupakan kilang keratin halal pertama di Malaysia yang memba farmaseutikal daripadanya,” katanya.

Penyelidikan turut melibatkan siswazah antarabangsa, Basma Yahya Alashwal (Yaman), Mohamed Sa (India) dan mahasiswa UMP dari Malaysia, Vanessa Alberto dan Liyana Maryam Madzellan.

Penyelidikan ini juga diiktiraf apabila meraih pingat emas dan anugerah khas pada Ekspo Reka Cipta Amerika Syarikat, anugerah khas dan pingat emas di Pameran Teknologi Malaysia 2018 dan Pertandingan di UMP pada 2017.

UMP galak inovasi teknologi hijau, IFINOG hasil 338 c

Oleh: NAUWAR ALI, WARTAWAN KELAB MEDIA MASSA UMP DAN NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH

Program *International Festival of Innovation of Green Technology* (IFINOG) dan *Innovation, Invention, De* sahaja melabuhkan tirainya menyaksikan sebanyak 339 ciptaan baharu yang dipertandingkan termasuk menengah, institusi pengajian tinggi dan ahli akademik dalam dan luar negara termasuklah Indonesia, Suc April 2019.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli, IFinog untuk para pelajar sekolah, mahasiswa mahupun penyelidik untuk mempamerkan hasil inovasi mereka yan

“Program ini dapat menghasilkan dan mengasah bakat kreativiti dan inovasi peserta melalui pertandingan semangat daya saing dan inovasi lestari dalam kalangan mahasiswa.

“Ia juga memberi impak dan manfaat secara terus kepada komuniti dan industri melalui idea-idea atau p pada majlis penutup yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 21 April 2019 yan

Turut hadir, Pengurus Besar Pelancongan Pahang, Dato' Ishak Mokhtar, Pengerusi IFINOG dan IDEAS Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Haryani Abdullah, Presiden Persatuan Saintis Muda Indo 2019, Muhammad Taufiq A. Rahman.

Menurut Abdul Syukor Abd Razak, pada kali ini UMP buat pertama kalinya juga memperkenalkan IDEAS berorientasikan VIVA yang mana peserta untuk kategori ini perlu membentangkan idea mereka tentang k baik untuk didiami.

Program yang dianjurkan Kelab *Eco Green Technology Innovation Society (Eco-Tech)* ini turut mem pengalaman dalam penganjuran peringkat antarabangsa terutamanya dalam menyerlahkan bakat dan kem

Pertandingan menyaksikan sebanyak 26 Anugerah Khas disampaikan kepada pemenang selain daripada p kategori *IDEAS* bagi penyertaan sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan ahli aka

Anugerah UMP Ecopest Green Technology dimenangi mahasiswa UMP, Nurul Natasha Mamat dengan *Chemical & Fuel From Municipal Waste*' dan Anugerah Naib Canselor berjaya dibawa pulang oleh Ibra inovasi '*Evaluation of Orthosiphon Stamineus Polyphenol-rich Microcapsule*'.

Anugerah Terbaik IFINOG (*Best of the Best*) dinobatkan buat Dr. Azilah Ajit@Abd Aziz dengan inov *Detection of Adultterants in Malaysian Stingless Bee Honey*'. Anugerah Terbaik Saintis Muda dimenangi Anugerah Terbaik Idea dimenangi oleh Maahad Tahfiz Pahang.

Turut menang pingat emas ialah projek *Wireless Worldwide Harmonised Light Vehicle Procedure* (WLTP) oleh Fraunhofer Institute of Technology (Germany), SRM Institute of Science and Technology (India) dengan produk '*Green Technology*' oleh Al-Farabi University (Kazakhstan) dengan Inovasi '*Virtual Biocigarette*'s.

Pelbagai produk inovasi yang kreatif dan menakjubkan dengan lebih 100 produk daripada pelajar sekolah.

Antara pemenang pingat emas diraih SJKT Simpang Lima yang berkolaborasi dengan *Little Scientist* mereka '*Low Cost Organic Enricher*' dan pada peringkat sekolah menengah adalah Sekolah Menengah '*Charica + Bio Larvicide*'.

Penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) turut raih emas dengan hasil inovasi mereka iaitu '*Optimisation of Percentage of Fly Ash Replacement as Alkali Activated Materials using Synchrotron*'.

Dr. Rashidi Abbas kupas buku dalam Program [Sharing@BookCafe](#)

Oleh: NOORUL FARINA ARIFIN, PERPUSTAKAAN UMP

Penerima Anugerah Buku Negara 2019 bagi buku umum dalam kategori pendidikan iaitu Dr. Rashidi Abbas, Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkongsi pengalaman membaca buku '*Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah*' dalam Program [Sharing@BookCafe](#) anjuran Perpustakaan UMP.

Dengan slogan '*With Knowledge We Lead*' program ini telah ditransformasikan pihak Perpustakaan UMP sebagai salah satu inisiatif dalam Misi Membaca Kebangsaan 2021-2030 seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mempromosikan budaya membaca di kalangan masyarakat.

Menurut Pemangku Ketua Pustakawan, Dzull Zabarrud Ahmad, program [Sharing@BookCafe](#) ini bertujuan untuk meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat.

menggerakkan aktiviti galakan membaca dalam kalangan warga UMP.

“Sesi berlangsung selama sejam ini membawa konsep santai dan selesa bagi menarik minat pengguna aktiviti pengisian ilmiah dan informatif,” katanya.

Beliau mengharapkan semoga lebih ramai penyelidik dan penulis yang prolifik dan hebat boleh diketengahkan pengalaman mereka.

Dalam program ini Dr. Rashidi Abbas menceritakan kombinasi di antara minat menulis dan sasaran peribadi dalam buku ini.

Intipati buku tersebut berkisarkan perkembangan pendidikan tahfiz masa kini dengan penerapan tujuh elemen: berkomunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan masa, kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan serta budaya keusahawanan.

Program [Sharing@BookCafe](#) ini juga mampu menyemai minat dan mendorong warga UMP khususnya menjadikan amalan membaca sebagai gaya hidup.

Program akan diteruskan pada minggu hadapan (23 April 2019) di Perpustakaan UMP, Kampus Gambang. Untuk 10 minit.

Perpustakaan UMP laksana Program *Waste4Fine* bayar denda

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) membenarkan pembayaran denda lewat pemulangan botol atau tin dalam menjayakan program *Waste4Fine* sebagai usaha menyokong inisiatif pelaksanaan amalan *Greenmetrics* yang dijalankan di universiti ini.

Menurut Pemangku Ketua Pustakawan UMP, Dzull Zabarrod Ahmad, program ini bertujuan meningkatkan kitar semula di samping membolehkan mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan membuat pembayaran denda.

“Kadar diskaun yang tinggi ditawarkan oleh pihak perpustakaan iaitu bagi setiap botol untuk pembayaran denda 1000 mililiter akan mendapat diskaun 10 sen manakala botol bersaiz melebihi 1,000 mililiter dengan harga

“Kadar kitar semula di UMP berada pada tahun sangat rendah iaitu 5.2 peratus pada tahun lalu.

“Dengan adanya program ini, diharapkan dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kitar semula di sekitar,” katanya yang hadir merasmikan Program *Waste4Fine* anjuran Perpustakaan UMP pada 18 Mac 2024.

Turut hadir dalam program, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSP) UMP, Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) UMP, Muhammad Hairyrizal.

Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada pengguna perpustakaan untuk membuat pembayaran denda botol plastik dan tin di samping boleh memanfaatkan masalah kewangan untuk membuat pembayaran denda.

Manakala menurut Pengarah Program, Hajah Siti Aishah Ghani berharap pelaksanaan program *Was* kalangan semua warga UMP, khususnya mahasiswa UMP sendiri.

Lebih menarik projek ini bermula hasil cetusan idea Kumpulan Inovasi dan Kreatif dalam menyokong usaha

Dalam pada itu, hari pembayaran menggunakan botol minuman ini dihadkan setiap hari Rabu sahaja dan m

Pengguna juga dibenarkan untuk membuat pembayaran penuh ataupun sebahagian denda dengan menggo

Staf yang bertugas di kaunter sirkulasi akan mengemas kini rekod denda di dalam sistem Perpustakaan pengguna yang telah selesai melakukan pembayaran dengan kaedah pertukaran tersebut.

Turut berlangsung ceramah bertajuk 'Kelestarian Kampus UMP' bersama dengan Ketua Inisiatif *UI Green* yang juga merupakan pensyarah Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), UMP.

Terdapat juga pameran bagi barang kitar semula dan juga jualan barangan seperti beg yang menggunakan terpakai.

UMP juga telah melaksanakan Kempen '*Let's Break Up with Single-Use Plastic*' bagi mengurangkan penggo

Ia adalah usaha berterusan hasil inisiatif Jawatankuasa Kelestarian UMP di bawah Kluster Penggo menghapuskan penggunaan *single-use plastics* di UMP.

Pelbagai program telah dilaksanakan pihak secara lestari dalam meningkatkan kesedaran terhadap membolehkan mahasiswa diberikan insentif sekiranya mereka menggunakan bekas makanan sendiri universiti.

UMP tersenarai pada kedudukan ke-97 terbaik dunia dan ke-6 terbaik di Malaysia dalam Penarafan *UI G* berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar yang telah diumumkan baru-bar

-
- 138 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

